

B538
MAHATHIR-LEAD
(1)

1981

KUALA LUMPUR, 3 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA TIDAK AKAN GENTAR DENGAN ANCAMAN DARI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN MEDIA ANTARABANGSA ATAS NAMA KEBEBASAN AKHBAR.

BELIAU BERKATA WALAUPUN NEGARA INI +PERNAH BEBERAPA KALI MENGHADAPI KEADAAN ITU DENGAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SEUMPAMA ITU DI MASA LALU DAN AMAT TERJEJAS ATAS NAMA KEBEBASAN AKHBAR, KITA TIDAK AKAN GENTAR DENGAN ANCAMAN TERHADAP IMEJ NEGARA.+
PERDANA MENTERI MENYEBUT HAL INI SEMASA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KELIMA PERTUBUHAN AGENSI BERITA ASIA (OANA) DI SINI.

PERHIMPUNAN EMPAT HARI ITU YANG DITUANRUMAHKAN OLEH BERNAMA DIHADIRI OLEH LEBIH 20 BUAH AGENSI BERITA TERMASUK NEGARA-NEGARA PASIFIK YANG BUKAN ANGGOTA OANA.

SEBELUM ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYEBUT SATU KEJADIAN BARU-BARU INI EKORAN DARI SEBUAH RENCANA YANG DITULISNYA BARU-BARU INI MENGENAI KEBEBASAN AKHBAR.

KATANYA, BERIKUTAN PENERBITAN RENCANA ITU OLEH SEBUAH AKHBAR TEMPATAN, BELIAU TELAH MENERIMA SEPUCUK KAWAT DARI INSTITUT AKHBAR ANTARABANGSA TIGA HARI LALU YANG MENGANDUNGI ANCAMAN TERHADAP IMEJ NEGARA INI. -- BERSAMBUNG 1430/SZ

B543
MAHATHIR-LEAD 2 KUALA LUMPUR

+ANIHNYA KAWAT YANG SAMA MENJELASKAN BAHAWA ANGGOTA-ANGGOTA BANGSA-BANGSA BERSATU TELAH MENERIMA MAKSUD HAK ASASI MANUSIA YANG TERMASUK +KEBEBASAN...UNTUK MENYUARAKAN IDEA-IDEA DARI SEMUA BENTUK.....+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI MENEKANKAN BAHAWA APA YANG DILAKUKANNYA SEMATA-MATA MENGELUARKAN IDEANYA MELALUI MEDIA, SALAH SATU HAK ASASI YANG BELIAU BERHAK MELAKUKAN SEPERTIMANA ORANG-ORANG LAIN.

+ADALAH MENGHAIRKAN BAHAWA SEBUAH INSTITUT YANG SEPATUTNYA MELINDUNGI HAK SAYA CUBA MERAMPASNYA,+ TAMBAH BELIAU.

+SEBALIKNYA APABILA SALAH LAPORAN DAN HASUTAN YANG DISENGAJAKAN BERLAKU MELALUI AKHBAR, TIDAK ADA SATU PUN KOMEN.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN SEKALI LAGI BAHAWA SEBAGAI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN, MALAYSIA KHUSUSNYA MEMANDANG BERAT KEJADIAN SALAH LAPORAN YANG DILAKUKAN SECARA SENGAJA ATAU PUN TIDAK, TENTANG HAL EHWALNYA DALAM AKHBAR LUAR NEGERI, TERUTAMA AKHBAR BARAT.

BELIAU MENYOROT KEMBALI PENGALAMAN PAHIT MALAYSIA AKIBAT PABLISITI YANG TIDAK DIINGINI SEJURUS SELEPAS RUSUHAN KAUM 13 MEI, 1969 DI MANA PARA PEMBACA LUAR NEGERI TELAH DISOGOKKAN DENGAN PANDANGAN-PANDANGAN YANG TIDAK BETUL MENGENAI PERISTIWA-PERISTIWA YANG BERLAKU KETIKA ITU.

-- BERSAMBUNG 1455/SZ

B545

MAHATHIR - LEAD 3 KUALA LUMPUR

+SEBENARNYA RAMALAN-RAMALAN YANG TIDAK BAIK TELAH DIBUAT YANG SEAKAN-AKAN MENYURUH DUNIA MELUPAKAN SAHAJA MALAYSIA.

+NAMUN DEMIKIAN, MALAYSIA BUKAN SAHAJA BERJAYA MENGATASI MASALAH-MASALAHNYA MALAH MENJADI SEMAKIN KUAT, BERSATU PADU DAN MAKMUR DARIPADA DAHULU.+

PERDANA MENTERI JUGA MENYOROT KEMBALI TAHUN-TAHUN SELEPAS KEJADIAN ITU YANG MENURUTNYA JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA MALAYSIA SERING MENJADI MANGSA KEPADA KHAYALAN DAN SENSASI LIAR SETENGAH-SETENGAH WARTAWAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB, SETENGAHNYA PULA TIDAK PERNAH MENJEJAKKAN KAKI KE NEGARA INI.

+SEJAK KEBELAKANGAN INI, HASIL PERCUBAAN KITA UNTUK MENGUASAI SUMBER-SUMBER KITA SENDIRI, KITA TELAH DIHUJANI DENGAN BERBAGAI-BAGAI LAPORAN YANG DIADA-ADAKAN DENGAN TUJUAN MENAKUT-NAKUTKAN PELABUR ASING DARI NEGARA INI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYEBUT TENTANG KEJADIAN BARU-BARU INI DI MANA SEBUAH ENSAIKLOPEDIA TERBITAN LUAR NEGERI MENUNJUKKAN RAKYAT MALAYSIA TINGGAL DI ATAS POKOK UNTUK MENYELAMATKAN DIRI DARI BINATANG-BINATANG LIAR.

BELIAU BERKATA KEPADA PARA WAKIL ITU: +BAGI ANDA YANG BARU SAHAJA TIBA DI NEGARA INI MUNGKIN SEDAR BAHAWA MALAYSIA BUKAN SEBUAH NEGARA YANG TERMODEN. -- BERSAMBUNG 1445/MK

B553

MAHATHIR-LEAD 4 KUALA LUMPUR

+DI SEKITAR IBUNEGARA, KUALA LUMPUR, DAN DI KAWASAN-KAWASAN LUAR BANDAR MASIH ADA ORANG-ORANG YANG TINGGAL DI PONDOK BURUK. NAMUN DEMIKIAN, SAYA PASTI ANDA SEDAR BAHAWA KITA TIDAK TINGGAL DI ATAS POKOK.+

SAMBIL MENGAKUI HAKIKAT BAHAWA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LAIN DALAM DUNIA KETIGA MUNGKIN MELALUI PENGALAMAN YANG SAMA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENYELESAIAN TERHADAP MASALAH ITU SEBAHAGIAN BESARNYA TERLETAK PADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SENDIRI.

KATANYA, MEREKA TIDAK HARUS MEMBIARKAN PIHAK LAIN MEMONOPOLI MAKLUMAT MENGENAI DIRI MEREKA TETAPI SEBALIKNYA HENDAKLAH MELUASKAN USAHA UNTUK MENERANGKAN KEPADA DUNIA TENTANG HAKIKAT YANG SEBENAR DAN JUGA APA YANG SENGAJA DIADA-ADAKAN.

+PENDUDUK ASIA TIDAK HARUS TERPERANGKAP DENGAN PERBUATAN SENSASI DAN MEMUTARBELITKAN KEBENARAN YANG MENJADI CIRI-CIRI AKHBAR BARAT,+ TAMBAH BELIAU.

DALAM HUBUNGAN INI, PERDANA MENTERI MENGALU-ALUKAN CADANGAN PENUBUHAN RANGKAIAN BERITA ASIA (ANN) OLEH AGENSI-AGENSI BERITA ASIA DAN RANTAU PASIFIK. -- BERSAMBUNG 1510 SZ

B554

MAHATHIR-LEAD 5 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, LANGKAH SERUPA ITU BUKAN SAHAJA DAPAT MEMBANTU MEMPERBETULKAN BENTUK ALIRAN BERITA YANG TIDAK SEIMBANG SEKARANG ANTARA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DENGAN NEGARA MAJU TETAPI JUGA MERUPAKAN LANGKAH PERTAMA KE ARAH MEWUJUDKAN SUSUNAN BARU MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DUNIA.

+ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA SEMOGA MASANYA AKAN TIBA TIDAK LAMA LAGI APABILA KITA MELIHAT IMEJ ASIA DIPAPARKAN OLEH ORANG-ORANG ASIA SENDIRI DAN TIDAK LAGI ORANG-ORANG ASING YANG BUKAN SAHAJA TIDAK SENSITIF KEPADA KEPERLUAN DAN ASPIRASI KITA TETAPI JUGA TIDAK BERSIMPATI DENGAN PERJUANGAN KITA.

+PENYEBARAN MAKLUMAT YANG ADIL DAN SAKSAMA DI DALAM DAN DI LUAR RANTAU INI SUDAH TENTU AKAN MENOLONG MENGGALAKKAN PERSEFAHAMAN SERANTAU DAN DALAM JANGKA PANJANG MENINGKATKAN LAGI USAHA-USAHA KERJASAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA DI RANTAU INI,+ TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA 1515/SZ